



30 November 2023

## KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

### Prosiding Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

1. Seperti mana dimaklumkan sebelum ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) memilih untuk mengadakan Prosiding **Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)** yang diambil daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun (LKAN) Tahun 2022: Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan pada hari ini, jam 3.30 petang. Hadir bagi memberi keterangan dan penjelasan pada hari ini adalah:-
  - i. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan (MOF);
  - ii. **YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad**, Timbalan KSP (Pelaburan), MOF; dan
  - iii. **YBrs. Encik Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin**, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan) LADA.

### Tajuk dan Tarikh Prosiding PAC

2. Susulan daripada taklimat Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 yang telah disampaikan oleh Ketua Audit Negara, **YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Radzi** pada 22 November 2023, PAC telah menetapkan untuk

memulakan prosiding bagi isu-isu seperti berikut selain Pengurusan LADA:-

- i. **Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) pada 5 Disember 2023;**
- ii. **Universiti Teknologi MARA (UiTM) – UiTM Holdings Sdn. Bhd pada 6 Disember 2023;**
- iii. **Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar pada 12 Disember 2023;**
- iv. **Pengurusan Program Penanaman Padi pada 13 Disember 2023;**
- v. **Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara pada tahun 2024;**  
dan
- vi. **Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah pada tahun 2024.**

**Prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp**

3. Saya juga ingin memaklumkan bahawa PAC akan mengadakan prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp pada 6 Disember 2023. Saksi bagi prosiding ini adalah Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp iaitu **YBhg. Dato' Raiha Azni Abd Rahman** dan **YBhg. Dato' Palaniappan Joseph**.
4. Setakat ini, PAC telah mengadakan sebanyak 5 prosiding dengan saksi yang dipanggil termasuk **YBhg. Datuk Wira Shahul Dawood**, Ketua Eksekutif HRD Corp, **YB Tuan V. Sivakumar**, Menteri Sumber Manusia dan barisan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp bagi sesi tahun 2022.

**Jumlah Prosiding dan Laporan PAC bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-15 2023**

5. Sepanjang Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 yang bermula pada 9 Oktober 2023 hingga hari ini, PAC telah mengadakan 9 prosiding dan membentangkan 4 Laporan pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 seperti berikut:-
  - i. Laporan Kemajuan **Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS)** bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi **Tempoh Jun 2023 hingga September 2023** (DR. 13/2023) pada 14 November 2023;
  - ii. Laporan **Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan Personel Protective Equipment (PPE)** di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (DR. 11/2023) pada 30 Oktober 2023;
  - iii. Laporan **Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara** di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) (DR. 7/2023) pada 11 Oktober 2023; dan
  - iv. Laporan Kemajuan **Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS)** bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi **Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023** (DR. 6/2023) pada 9 Oktober 2023.
6. PAC akan mengadakan prosiding maklum balas bagi semua laporan ini untuk mengetahui tindakan yang telah diambil kementerian terhadap syor

yang dikemukakan kelak, bagi membentangkan Laporan Tindakan Susulan yang mengandungi maklum balas kementerian terhadap syorsyor PAC di Parlimen.

7. PAC merancang mengadakan prosiding-prosiding ini pada bulan Januari dan membentangkan semua laporan maklum balas ini dalam mesyuarat pertama, penggal ketiga sidang Dewan Rakyat yang bermula pada Februari 2024.
8. Jawatankuasa ini juga berhasrat untuk menyelesaikan semua 7 tajuk yang diambil daripada LKAN tahun 2022 sebelum mesyuarat pertama, penggal ketiga sidang Dewan Rakyat bermula.

### **Hal-Hal Lain**

9. Akhir kata, PAC berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua saksi yang terlibat dengan pelbagai prosiding yang telah dilaksanakan oleh PAC sepanjang mesyuarat ketiga ini. Ribuan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**